



JABATAN KEJURUTERAAN

NOTIS KERJA UNDI

KERJA UNDI MAJLIS PERBANDARAN TAIPING BIL 3 / 2026

Kerja undi dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) yang layak berdasarkan syarat – syarat pendaftaran yang ditetapkan dan masih dibenarkan menyertai perolehan kerajaan bagi kerja-kerja berikut :

BIL	TAJUK KERJA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN PENDAFTARAN	HARGA (RM)
1.0	Menaik Taraf Tandas Di Gerai Sri Kota & Gerai Jalan Stesyen, MP Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	50,000.00
2.0	Menaik Taraf Tandas Di Pasar Taman Kaya, MP Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	50,000.00
3.0	Menaik Taraf Tandas Di Gerai Batu Kurau, MP Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	50,000.00
4.0	Menaik Taraf Tandas Di Pasar Malam Kamunting, MP Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	50,000.00
5.0	Menaik Taraf Tandas Di Stesen Bas Kamunting, MP Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	50,000.00
6.0	Cadangan Pembinaan Papan Tanda Casuarina Inn (Rumah Residen), Jalan Kelab baru di Taman Tasik Diraja, Taiping	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04	34,000.00

- Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah pendaftarannya. Sijil pendaftaran yang tamat tempoh atau sedang diperbaharui adalah tidak dibenarkan untuk menyertai tawaran / kerja undi. Sijil pendaftaran yang akan tamat tempoh (kurang dari 2 bulan dari tarikh pendaftaran kerja undi) adalah tidak dibenarkan untuk menyertai tawaran kerja undi.
- Kontraktor adalah perlu mengemukakan Sijil TCC / Tax Compliance Certificate berstatus PATUH semasa hari pendaftaran. Kontraktor yang tidak mempunyai sijil TCC atau Sijil TCC berstatus TIDAK PATUH adalah tidak layak menyertai kerja undi.

4. Pendaftaran akan dibuat secara 'Walk-In' pada tarikh dan masa seperti berikut ;-

TARIKH & HARI	TEMPAT	MASA
22 Jun 2026 (ISNIN)	Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Taiping	Sesi 1 : Jam 9.30 Pagi Hingga 12.30 Tengahari Sesi 2 : Jam 2.30 Petang Hingga 4.30 Petang
<i>Sila bawa cop syarikat bagi memudahkan proses pendaftaran.</i>		

5. Hanya seorang penama yang sah dinyatakan di dalam sijil pendaftaran PPK / SPKK / STB dibenarkan untuk mendaftar pada hari pendaftaran ditetapkan seperti di atas. Wakil adalah tidak dibenarkan.
6. Pihak kontraktor dikehendaki membawa kad pengenalan, sijil pendaftaran PPK, SPKK dan juga STB yang ASAL serta sijil pendaftaran TCC pada hari pendaftaran. Pihak Urusetia berhak menolak sekiranya arahan ini gagal dipatuhi.
7. **Cabutan undi akan dilaksanakan secara atas talian. Siaran langsung cabutan undi akan dimaklumkan dalam tempoh tidak lebih dari 14 hari selepas tarikh pendaftaran melalui hebahan di laman sesawang / portal rasmi pihak Majlis Perbandaran Taiping. (mptaiping.gov.my)**
8. Kontraktor yang mempunyai kerja undi dalam tangan tidak layak menyertai Kerja Undi.
9. Kontraktor yang berjaya akan dimaklumkan secara telefon.



(Ts HJ RIZAL ISMARA BIN ISMAIL)

Penolong Pengarah Kejuruteraan

b.p : Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Taiping

Tarikh : 19.6.2026.